



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
PERLIS

SOARING  
UPWARDS

MALAYSIAN HIGHER EDUCATION



# UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSOLOR 2018



**“TUNJANG MENGUKUH DI BUMI,  
PUCUK MENJULANG TINGGI”**  
*...untuk manfaat insan sejagat*

6 Februari 2018 | Dewan Ilmu, Kampus Alam UniMAP, Pauh Putra



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
**UniMAP** PERLIS



Dari kiri: **YBhg. Prof. Madya Dr. Mohd. Fo'ad Sakdan** - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), **YBhg. Prof. Dr. Uda Hashim** - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), **YBhg. Prof. Ir. Dr. Rezuwan Kamaruddin** - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), **YBhg. Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal** - Naib Canselor, **YBrs. Encik Zuber Hj. Mohamad** - Pendaftar, **YBrs. Puan Saodah Hassan** - Bendahari, **YBrs. Puan Mazmin Mat Akhir** - Ketua Pustakawan

Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

**Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan**

Timbalan-timbalan Naib Canselor,  
Ketua-ketua Jabatan,  
Wakil Media,  
Dan seluruh warga UniMAP yang dikasihi.

1. Alhamdulillah, sudah beberapa minggu kita berada di tahun 2018, dan masih belum terlambat untuk saya mengucapkan selamat tahun baru. Semoga setiap warga Universiti sudahpun memperbaharui resolusi serta azam kerja masing-masing.
2. Sebagaimana dilakukan sekian lama, kita berkumpul hari ini untuk membuat refleksi ke atas diri dan institusi yang kita sayangi ini. Majlis Ucaptama merupakan wadah di mana pencapaian tahun lepas, perancangan masa hadapan, serta cabaran-cabaran yang telah dan bakal dihadapi dibentangkan. Hasratnya agar warga kampus memahami isu-isu yang telah dan akan mencorakkan perjalanan tugas seharian kita di sini. Dengan pemahaman, pasti akan dapat diperkukuhkan lagi perasaan kasih sayang kepada UniMAP, serta semangat untuk mengharungi cabaran-cabaran semasa.
3. Terima kasih kepada pasukan ucaptama yang terdiri daripada pengumpul dan penyedia data, penulis skrip, pengolahbahan, serta penyelaras tugas keseluruhan, termasuk tugas-tugas pengurusan acara pagi ini. Saya hargai segala pengorbanan dan penat jerih saudara-saudari dalam memastikan program ini direalisasikan dengan jayanya.

Saudara-saudari sekalian,

4. Usia UniMAP kini 16 tahun. Jika dianalogikan sebagai manusia, kita remaja yang bertenaga meneroka peluang mencapai kegemilangan dan memenuhi kepentingan pemegang taruh. Kita merencanakan pelbagai inisiatif untuk kelangsungan kecemerlangan Universiti. Saya percaya semua warga telah berhempas pulas memastikan UniMAP terus mencipta kejayaan.
5. Untuk berjaya, kita perlu berani. Lao Tzu, ahli falsafah China pernah menyebut, "*perjalanan seribu batu bermula dari satu langkah pertama*". Matlamat menjadi antara universiti terbaik dunia masih jauh, namun tidak mustahil mencapainya. Kita sekarang berada pada kedudukan 221 terbaik Asia dalam QS 2017, dan kedudukan ke-300 dunia dalam kejuruteraan mekanikal, serta kedudukan 350 dunia untuk kejuruteraan elektrik dan elektronik. Syukur – dunia mengiktiraf kita, dan kita berada pada landasan yang betul.

6. Marilah kita meninjau pencapaian 13 *KPI Headlines* yang telah ditetapkan KPT. Yang pertama ialah peratus graduan bekerja semasa konvokesyen. Pencapaian UniMAP ialah 84.6%. Iaitu, 2690 orang siswazah yang diraikan pada majlis konvo lalu telah memperoleh pekerjaan. Alhamdulillah.
7. Bagi nisbah penerbitan dalam jurnal berindeks, pencapaian kita ialah 1.84, berbanding sasaran 1.5 yang ditetapkan. Nisbah kumulatif sitasi per staf akademik pula ialah 17.15 berbanding 18 yang ditetapkan. Walaupun pencapaian kita memuaskan, ia tidak setinggi pencapaian tahun 2016. Justeru, kita perlu mengambil tindakan strategik yang bersifat mampan untuk membaiki kedudukan ini.
8. *KPI Headlines* seterusnya ialah peratus enrolmen pelajar dalam pendidikan dan latihan teknikal & vokasional (atau TVET). Kita amat menyokong hasrat memperkasakan modal insan teknikal dan vokasional. Selain program kejuruteraan dan teknologi, UniMAP popular dalam *soft TVET* iaitu Komunikasi Media Baharu dan Keusahawanan Kejuruteraan. Tahun lalu, pencapaian KPI ini ialah 55.31% berbanding sasaran 50% yang ditetapkan. Alhamdulillah.
9. Bagi *KPI Headlines* penjana kewangan, kita telah melepasi sasaran 18% yang ditetapkan. Peratusan penjana kita ialah 19.91%. Tahniah! Saya tahu, penjana kewangan bukanlah suatu yang mudah. Dalam senario ekonomi yang getir masa kini, marilah kita terus berusaha mencapai matlamat yang lebih tinggi insyaaAllah.
10. Seterusnya, keterlihatan global yang digambarkan melalui bilangan pelajar antarabangsa menunjukkan bahawa sasaran 1100 orang telah dilepasi, dengan bilangan 1118 sehingga Disember 2017. Namun, kita masih perlu menggiatkan aktiviti promosi, dan memberi tumpuan secara strategik kepada negara-negara tertentu untuk meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa, terutamanya pelajar pasca-siswazah yang kini seramai 399 orang sahaja berbanding sasaran 430 orang.
11. *Intake graduate on time* atau iGOT juga merupakan KPI yang dipantau. Tahun lalu, iGOT peringkat sarjana muda adalah 85%, sebagaimana disasarkan. Namun, bagi peringkat Sarjana dan PhD, angka ini sedikit kurang daripada sasaran. Pencapaian iGOT menjadi daya tarikan kepada bakal pelajar untuk menyambung pengajian di sini. Oleh itu, kita perlu mengatur tindakan pembaikan sewajarnya.
12. KPT juga menetapkan kadar keciciran kurang daripada 7%, 18% dan 19% masing-masing bagi program sarjana muda, sarjana, dan PhD. Alhamdulillah kadar keciciran kita di bawah peratusan-peratusan ini. Malah bagi PhD, angkanya adalah sifar.

Saudara-saudari yang dihormati,

13. Program-program yang kita tawarkan digubal agar memenuhi keperluan industri. Struktur kurikulumnya memenuhi standard BEM dan MQA. Pelbagai faktor menyumbang kepada kekuatan ini, termasuk penglibatan industri dalam pembentukan, pelaksanaan dan penilaian program.
14. Modal insan berkualiti turut menyumbang kepada keutuhan program. Kita mempunyai 1057 tenaga akademik, di mana sekitar 45% berkeelayakan PhD. Kita juga ada 69 Jurutera Profesional dan *Chartered Engineer*, iaitu antara yang tertinggi di Universiti Awam Malaysia. Terkini, 19 staf UniMAP berstatus Teknologis Profesional, yang dianugerahkan Lembaga Teknologis Malaysia (atau MBOT). Bagi yang belum memohon menjadi Teknologis Profesional, silalah berbuat demikian kerana ia akan menguntungkan organisasi dan juga diri sendiri.
15. UniMAP amat mementingkan pembelajaran sepanjang hayat. Selain penawaran program-program pascaijazah pada hujung minggu, kita kini meneroka model baharu. Sebagai contoh, Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik bekerjasama dengan beberapa buah institusi menawarkan program Sarjana Muda Kejuruteraan, di mana 36 staf IKM, KKTM dan ILP mengikuti program ini. Terdapat potensi besar untuk program sebegini dipasarkan.
16. Kita juga menawarkan program sarjana mod campuran/kerja kursus di Anjung Kulim dan Anjung Kuala Lumpur melalui RETRACE. Lokasi yang berdekatan dengan industri membekalkan peluang yang lebih luas kepada yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi. Selain itu, program secara francais dengan Kolej TAJ dan Kolej Regent sudah mendapat kelulusan MQA dan KPT, dan pengambilan pelajar akan dilakukan tidak lama lagi.
17. Bagi memastikan kesemua program kita berdaya saing dan memenuhi keperluan industri dan negara, data yang berkenaan diteliti secara berterusan. Sekiranya perlu, kita menjenama semula, membeku atau menggabung beberapa program supaya lebih bersifat *multidisciplinary/hybrid*. Bermula Sidang Akademik akan datang, tujuh program akan dibekukan.
18. Alhamdulillah, kemudahan pengajaran kita seiring dengan peralatan yang digunakan di industri. Pelajar UniMAP dibimbing dengan ilmu dan kemahiran aras tinggi, serta dibekalkan peralatan yang canggih. Pelaburan makmal terkini di FTK dan di pusat-pusat pengajian lain menyokong keperluan Industri 4.0. Melalui ini semua, pelajar kita insyaaAllah akan bersifat siaga-industri (atau *industry-ready*) apabila bergraduasi nanti.

19. Bagi meningkatkan keunggulan, warga universiti digalakkan melibatkan diri dalam program mobiliti. Dalam Surah Al-Mulk, Allah berfirman:

*“Dialah yang menjadikan bumi agar mudah kamu gunakan, **maka berjalanlah ke ceruk rantaunya**, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah; dan kepada Allah jualah (kamu) dibangkitkan semula.”*

Alhamdulillah, 2 pensyarah UniMAP mengikuti “*Programme CEO Faculty 2.0 Coached by the Pros*” anjuran KPT. Ada juga pensyarah yang terlibat dalam program mobiliti dengan *Czech Technical University, Prague* dan *Centre of Nanotechnology, University College London*, dan *University of Sindh, Pakistan*. Enam orang pensyarah juga terlibat dalam program mobiliti dengan *Nahda University* Mesir dalam kerjasama berbentuk timbal-balik, di mana kita akan menerima pelajar pasca-siswazah dari sana tidak lama lagi.

20. Program mobiliti pelajar juga terus digiatkan agar mereka menimba ilmu di seluruh dunia serta mendapat pendedahan bersifat global. Antara program yang berkenaan termasuklah yang di bawah geran Newton dan Geran EU ke UK, Greece, Taiwan, dan Republik Czech, serta program Mini-SEED di Thailand. Terdapat juga program pemerksaan bahasa dan kepimpinan, serta *Asia Summer Program*.
21. Bagi memperkukuhkan agenda pengantarabangsaan, kita terus meneroka peluang bekerjasama dengan pelbagai institusi luar negara. Terbaharu, memorandum persefahaman dengan *University of Chemical Technology and Metallurgy, Bulgaria* diperbaharui bagi mencari kerjasama dengan negara-negara Kesatuan Eropah. Selain itu, kerjasama dengan Universitas Negeri Makassar Indonesia, UIN Alauddin Makassar Indonesia, dan *International Islamic University Chittagong* Bangladesh juga disempurnakan.

Saudara-saudari yang dihormati,

22. Dalam bidang penyelidikan, UniMAP mendapat penarafan 5 bintang SETARA, dengan markah 96%. Mata yang kita perolehi melebihi median universiti lain untuk dua kriteria. Kita kini giat menggalakkan penyelidikan *translational*, iaitu yang menghasilkan produk yang dapat dimanfaatkan masyarakat.
23. Alhamdulillah, pencapaian kita dalam penerbitan tidak mengecewakan. Seramai 13 orang penyelidik memperoleh sitasi melebihi 500, dan 34 orang penyelidik yang berumur 40 tahun ke bawah, bergelar *UniMAP Young Research Scientists*, mencapai *H-Index* melepasi 7. Sebanyak 1120 artikel jurnal bertaraf Scopus diterbitkan, di samping 674 prosiding persidangan yang diindeks dalam Scopus, serta 15,000 sitasi. Kita juga dinobatkan sebagai universiti awam ke-7 terbaik bagi penerbitan dalam bidang kejuruteraan, selepas universiti-universiti penyelidikan dan UiTM, dan mendahului universiti-anggota MTUN bagi penerbitan bidang kejuruteraan. Penyelidik kita juga berjaya memperoleh anugerah *Malaysia Research Star Award* tidak lama dahulu.

24. Dari segi amaun geran pula, hampir RM6 juta diperolehi tahun lalu daripada pelbagai sumber dalam dan luar negara, termasuk 5 geran Newton dengan jumlah melebihi setengah juta ringgit. Hubungan kita dengan penggerak industri terus kukuh, di mana 3 orang penyelidik memperolehi dana daripada CREST dengan jumlah keseluruhan hampir RM1.5 juta. Kita juga dianugerahkan dana penyelidikan daripada jaringan *Public-Private Research Network* dengan anggaran keseluruhan hampir RM300 ribu. Jumlah bagi dana KTP, FRGS, PRGS, LRGs dan MRSA pula sekitar RM4 juta.
25. Kecemerlangan penyelidik UniMAP di ekspo penyelidikan global, termasuk di Korea dan Jerman, tidak boleh dipertikaikan. Penyertaan di IENA membawa pulang 2 emas dan 1 anugerah, manakala di Korea - 8 Emas dan 5 anugerah khas.
26. Kita berhasrat menghasilkan lebih banyak produk inovatif sehingga dapat membantu menyumbang kepada pendapatan Universiti. Pada tahun 2016, nisbah produk kepada penyelidik ialah 1:26. Tahun ini, kita mensasarkan nisbah 1:20.
27. Umum mengetahui, banyak produk hasil penyelidikan universiti hanya berjaya ke tahap prototaip sahaja. Justeru, 3 syarikat *spin-off* telah dilahirkan untuk menggalakkan pengkomersilan produk penyelidikan. Ini suatu "milestone" yang membanggakan. Alhamdulillah, pendapatan dari IP tahun lalu adalah RM320,000 sementara dari bukan-IP, jumlahnya RM2.2 juta. Tahniah kepada semua yang terbabit! Semoga UniMAP terus ke mercu kegemilangan dalam penyelidikan dan pengkomersilan.

Saudara-saudari sekalian,

28. Mahasiswa adalah anggota utama ekosistem kita. Mari serlahkan potensi 13,496 pelajar UniMAP melalui pendekatan pembangunan belia positif, di mana penekanan 8C, iaitu *Caring, Competent, Character, Confident, Cooperation, Considerate, Competitive* dan *Contribution* diberi perhatian sewajarnya.
29. Alhamdulillah, beberapa pelajar kita muncul cemerlang, antaranya Muhammad Amirul Zainal dan Rosyeen Nambiyaar yang mewakili Malaysia masing-masing dalam *World University Sports Championship* di Taiwan dan *ITF World Championship* di Ireland, serta pelajar antarabangsa Mahad Mohamed yang mendapat tempat ke-4 dalam pentas Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri 2017.
30. Ramai pelajar kita juga berjaya dalam pameran-pameran penyelidikan termasuk di *Innovation Design Research International Symposium* dan *World Young Invention Exhibition*. Terima kasih kepada para penyelia yang tidak henti-henti membimbing pelajar-pelajar tersebut.

31. Selain pelajar, alumni kita juga bukan calang-calang orang di luar sana. Contohnya Siti Nurnazifah Jais Meah yang menerima anugerah *UST Global Malaysia Best New Talent Award 2017*, dan Tan Wei Chun – usahawan yang sudah menebarkan sayap ke Thailand, Indonesia, Hongkong dan China, namun kembali ke alma maternya dalam projek penternakan ikan *jade perch* bersama Institut Agroteknologi Lestari UniMAP. Di samping itu, puluhan alumni pulang ke institusi yang mereka sayangi ini dari semasa ke semasa untuk berkongsi pengalaman dengan siswa-siswi yang masih di bangku pengajian. Alhamdulillah.

Saudara-saudari sekalian,

32. Tahun 2017 telah ditinggalkan. Tahun ini, marilah kita sama-sama jalani sebuah transformasi baru. Sebagaimana madah pujangga, '*Change is the law of life. Those who look only to the past or the present are certain to miss the future*'. Tidak lama lagi, penggabungan beberapa entiti akademik akan dilakukan, berikutan pembekuan beberapa program, seperti yang disebutkan tadi. Penggabungan juga membawa kepada semakan semula penempatan dan keperluan staf di entiti-entiti terbabit. Perbincangan tentang transformasi ini telah bermula sejak 2014, dan sudah tiba masanya dilaksanakan. Penstrukturan semula sebegini pastilah memberi kesan kepada banyak pihak. Saya harap saudara-saudari menerima perubahan yang bakal melanda dengan hati terbuka, dan melihatnya sebagai ruang untuk mencuba suatu yang baharu, serta peluang untuk mentransformasikan minda ke tahap yang lebih tinggi.

33. Tahun lalu saya telah membentangkan Peta Strategi UniMAP 2025. Berteraskan pendekatan "**4.0: Perkongsian Memacu Pembangunan**", ia didasari konsep kebersamaan dan perkongsian dengan rakan industri, institusi pengajian tinggi dan pemegang taruh lainnya. Empat aspek diketengahkan, iaitu pengajaran-pembelajaran, kualiti graduan, penyelidikan, dan penjana kewangan. Setiap satu mempunyai sasarannya tersendiri, yang diharap dapat dicapai secara berperingkat.

34. Bagi pengajaran-pembelajaran, kita mahukan ia **berinovatif**. Untuk itu, tiga komponen diberi perhatian, iaitu sistem pendidikan bersepadu, makmal industri dan platform *telepresence*. Teknologi memainkan peranan utama bagi persekitaran *smart campus*, di mana MOOC/*blended learning* sedang giat dibangunkan. Ekosistem berasaskan *cybergogy* ini memungkinkan pembelajaran dijalankan walau pelajar dan pensyarah berada di lokasi berbeza. Kita sudah ada lebih 116 kursus *blended*, iaitu kursus yang mempunyai elemen informasi, kandungan, aktiviti dan penilaian. Alhamdulillah, enrolmen pada platform *online* UniMAP kini menghampiri 10,000 pengguna. Kita menasaskan agar 30% kursus bersifat *blended* dalam tahun-tahun mendatang. Dari itu saya mengamanahkan semua staf akademik mengambil serius perkara ini, dan memanfaatkan 3 wadah *e-learning* sedia ada, iaitu platform *e-learning* UniMAP, platform MOOC Malaysia di bawah jaringan *open-learning*, dan platform *Global Access Asia* yang disertai lebih 80 buah universiti, termasuk UniMAP.



Saudara-saudari sekalian,

35. Selain *cybergogy*, kemudahan makmal tidak kurang pentingnya. Kita berhasrat bekerjasama dengan industri untuk memastikan makmal-makmal kita bertaraf industri serta mempunyai kelengkapan bersifat *state-of-the-art*. InsyaaAllah inisiatif ini akan membantu menjadikan UniMAP sebuah pusat rujukan penting dalam pelaksanaan analisis data industri, dan seterusnya menjadi punca sumber pendapatan Universiti.
36. Aspek kedua dalam Peta Strategi UniMAP 2025 ialah siswazah siaga-industri. Inilah teras kita – iaitu memastikan siswazah kita mampu menyumbang sebaik saja bergraduat. Untuk itu, empat komponen diberi tumpuan, iaitu pemerolehan pekerjaan, peratus graduan dengan PNGK melebihi 3.00, peratus program TVET yang ditawarkan dan peratus siswazah yang memperoleh pekerjaan dalam tempoh enam bulan bergraduat. Kesiap-siagaan siswazah tidak boleh dilakukan bersendirinya. Kita perlu intim dengan industri dan mengetahui selok-belok mereka untuk memastikan pelaburan masa, tenaga dan wang-ringgit dalam operasi akademik kita membuahkan hasil yang diidamkan.
37. Perlu diingat, pembangunan sesebuah tamadun bukan hanya terletak pada ijazah dan kepakaran warganya, serta kemajuan teknologi sahaja, tetapi juga pada kekuatan pemikiran, keteguhan rohaniah, ketegasan pendirian, keyakinan diri, dan kemuliaan akhlak ahli masyarakatnya. Tugas kita di universiti justeru menjadi lebih kompleks – kerana dalam keghairahan meletakkan teknologi sebagai sentral dalam kehidupan, kita perlu juga mengimbangi fokus tersebut dengan pengembangan aspek-aspek kemanusiaan. Ingatlah – amanah kita bukan untuk menghasilkan siswazah semata-mata, tetapi melahirkan bangsa Malaysia yang bermanfaat kepada negara dan dunia. Agenda kemampanan siswa diberi fokus agar graduan kita berilmu, berkebolehan dan berjiwa besar. Kita akan menambahbaik ekosistem universiti agar mereka sentiasa berada dalam persekitaran yang kondusif bagi merangsang kecemerlangan diri. Kita mahu aliran kemasukan siswa baharu ke UniMAP terus kukuh supaya lebih ramai anak bangsa meraih manfaat lingkungan yang kita bina ini. Untuk itu, UniMAP turut rancak membantu meningkatkan bilangan murid sekolah yang meminati subjek Sains, Teknologi dan Matematik (atau ringkasannya STEM), insyaaAllah.
38. Salah satu “enabler” dalam ekosistem yang hendak diperkasakan ini ialah staf yang cemerlang. Kita mahu membangunkan sebuah kolam bakat yang dinamik. Alhamdulillah, ramai pensyarah UniMAP sudah mempunyai PhD. Sasaran kita agar 50% staf akademik berstatus PhD tahun ini. Kita juga sudah mempunyai sistem penilaian bakat yang berupaya mengesan kursus-kursus yang telah dihadiri staf. Bagi memantapkan integriti serta jati diri warga kerja, modul “1 UniMAP” wajar dibangunkan. Saya menyarankan semua pihak yang berkemampuan untuk tampil ke hadapan membantu membangunkan minda kelas pertama dalam kalangan warga institusi yang kita sayangi ini.

39. Saya menyebut tadi bahawa dalam penilaian SETARA, UniMAP dinobatkan cemerlang dalam penyelidikan. Kita berbangga dengan pengiktirafan tersebut. Namun, kita menerima hakikat bahawa **UniMAP ialah sebuah universiti teknikal dan bukan Universiti Penyelidikan**. Buat masa ini, tiada perancangan untuk menjadikan ia universiti penyelidikan. Walaupun begitu, kita masih perlu bergiat rancak dalam arena penyelidikan, terutamanya yang melibatkan industri dan komuniti. Semoga kita dapat memainkan peranan mencorakkan senario industri dan komuniti, khususnya dalam konteks kejuruteraan dan teknologi.

Saudara-saudari yang dihormati,

40. Aspek penting dalam senario pendidikan tinggi Malaysia masa kini ialah penjana kewangan. Agenda ini bukan sahaja menjadi tumpuan di Malaysia, malah bahang keperluannya telah lama dirasai universiti awam luar negara. Justeru, kita perlu mewujudkan jaringan yang dapat mengetengahkan kepakaran staf sebagai pakar rujuk, dengan harapan dapat meraih bayaran hasil rujukan tersebut. Saya percaya ramai yang mampu menggalas peranan ini, cuma yang perlu ialah peluang, keyakinan dan sokongan pengurusan.

41. Hasrat penjana kewangan juga menasaskan peningkatan geran penyelidikan yang diperolehi. Jaringan erat dengan industri serta pemegang taruh lain akan membuka peluang pembiayaan penyelidikan yang luas. Lalu, adalah mustahak untuk memastikan jalinan ini dibina sewajarnya. Endowmen dan waqaf memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya. Sejak 2017, pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk membangunkan tabung endowmen UniMAP. Setakat ini kita telah mendapat RM1.3 juta, dan menasaskan amaun RM3 juta tahun ini, insyaaAllah.

42. Seterusnya ialah pengukuhan tabung keusahawanan yang dapat membantu pewujudan syarikat “start-up” serta sebagai dana latihan dan tunjuk ajar kepada pelajar yang ingin memulakan perusahaan sendiri. Walaupun kadar GE UniMAP tinggi, kita tidak boleh leka dan menganggap ia senario yang terus-menerus begitu. Terdapat juga pelajar yang ingin mencipta pekerjaan mereka sendiri, dan kita perlu melatih mereka ke arah itu. Maka, sebanyak RM1.25 juta disasaskan untuk tujuan tersebut.

43. Alhamdulillah, kita telah melaksanakan usaha penjana kewangan sekian lama. Semenjak dua tahun lepas setiap PTJ diberi unjukan bagi KPI ini. Walaupun bukan semua PTJ berjaya mencapai sasaran yang diberikan, yang pasti, semua telah berusaha dan berjaya menjana sejumlah wang yang digunakan untuk perkembangan PTJ tersebut. Mari terus menggembleng tenaga menjana pendapatan berdasarkan kepakaran yang dimiliki. Saya percaya kita boleh, kerana kemampuan dan kecemerlangan kita ada di situ.

Saudara-saudari sekalian,

44. Seperti tahun-tahun lalu, UniMAP sentiasa berhadapan dengan cabaran. Saya ingin menjelaskan beberapa cabaran yang perlu ditangani agar saudara-saudari faham, saling ingat-mengingati dan bersama mencari jalan mengatasinya.
45. Cabaran pertama, dan pada hemat saya, amat mendesak, ialah kewangan. Pada tahun 2016, peruntukan belanja mengurus kita adalah sebanyak RM240.9 juta, dan RM207.5 juta pada tahun berikutnya. Tahun ini, Alhamdulillah, peruntukan yang diluluskan adalah RM214 juta, iaitu peningkatan sebanyak RM6.4 juta berbanding tahun lalu.
46. Peningkatan ini memberi ruang untuk “bernafas” sedikit, dan mungkin dengan lebih selesa jika kita terus mengurangkan perbelanjaan keseluruhan universiti. Langkah jimat cermat yang diamalkan perlu diperkasakan bagi memastikan kelangsungan urusan-urusan utama kita. Sekali lagi saya mengajak semua warga kampus melakukan segala yang termampu untuk mengurangkan perbelanjaan Universiti. Yang paling asas ialah tingkahlaku kita sendiri. Marilah amalkan sikap berhemah dalam perbelanjaan, bukan hanya dalam keadaan seperti sekarang, tetapi sebagai amalan kehidupan walau apa jua situasi yang dihadapi.
47. Di tempat kerja contohnya, bukan susah untuk mematikan lampu, pendingin hawa dan komputer apabila tidak digunakan. Hanya 3 saat sahaja diperlukan untuk mematikan suis - jadi mengapa terlalu berat melakukannya? Bukan payah menggunakan kedua-dua belah permukaan kertas untuk mengurangkan pembelian bahan itu. Adalah lebih baik sekiranya selepas kertas digunakan, ia dibuang di tong kitar semula. Lalu mengapa masih ramai tidak mengamalkannya? Sekiranya tiada tong kitar-semula, usahakanlah supaya diadakan di kompleks pejabat tuan-tuan dan puan-puan. Pelaburan kecil sebegini bukan sahaja menjanjikan pulangan dalam bentuk penjimatan wang, tetapi ia juga membudayakan amalan tidak membazir dalam mengurus sumber alam. Ini sebenarnya kewajipan dan amanah yang akan disoal suatu hari kelak. Sesungguhnya, pembaziran adalah penganiayaan terhadap nikmat yang dianugerahkan Tuhan.
48. Tidak keterlaluan jika saya mengatakan bahawa transformasi budaya berhemah ini merupakan cabaran yang lebih besar berbanding cabaran kewangan. Sekiranya pemikiran dan tingkahlaku kita masih pada tahap lapuk dalam penggunaan sumber-sumber universiti – samada sumber kewangan, sumber tenaga, atau sumber masa – maka, walau segagah manapun strategi yang dirancang, pasti meleset pelaksanaannya. Mari suntik kesedaran bahawa kita masih berada dalam gelombang ketidaktentuan ekonomi. Dari itu kita harus bertindak sewajarnya. Gunakan sumber dengan bijaksana. InsyaaAllah kita akan merasa manfaatnya.

49. Cabaran seterusnya ialah, masih terdapat jurang antara kompetensi graduan dengan kompetensi yang diharapkan industri. Walaupun boleh berbangga dengan pencapaian GE kita, namun selagi jurang kompetensi ini masih ada, selagi itulah kita belum berjaya sepenuhnya. Keberkesanan operasi akademik, khususnya yang berkaitan dengan pembangunan *soft skills*, tempoh praktikal, pemilihan tajuk projek tahun akhir, dan lain-lain lagi perlu terus diteliti dan ditambahbaik.

Saudara saudari yang dihormati,

50. Izinkan saya mengambil sedikit masa bercakap tentang perkara yang banyak dibincangkan di dalam dan luar kampus, iaitu Revolusi Industri ke-4 (atau singkatannya 4IR). Sejak abad ke-18, teknologi dunia menjalani revolusi industri. Terkini, kesemua elemen teknologi berada dalam era konvergen dan jaringan sepenuhnya.

51. Di China baru-baru ini, robot doktor gigi pertama dunia telah membuat rawatan implan mulut pesakit tanpa bantuan manusia. Selain itu, robot bernama XIAOYI berjaya dalam peperiksaan perubatan yang merupakan syarat menjadi doktor. Tahun lepas, Kerajaan Arab Saudi memberi kerakyatan penuh kepada Sophia, sebuah robot humanoid. Ini membuka dimensi pengiktirafan dan penerimaan dunia terhadap robot. Justeru, manusia kini mempunyai pesaing yang secara ironiknyanya, adalah ciptaannya sendiri.

52. Dengan perkembangan yang amat menakjubkan ini, UniMAP tiada pilihan selain turut memastikan kita bersiap-siaga menghadapi 4IR. Sebenarnya, sejak tahun 2002, Universiti ini bergerak ke arah 4IR, walaupun terma 4IR itu masih belum wujud lagi. Hal ini kerana UniMAP - pada waktu itu KUKUM - ditubuhkan untuk melahirkan insan yang menyumbang kepada agenda industri Negara, khususnya industri elektronik, iaitu bidang tujahan kita. Kemajuan teknologi dunia masa kini kebanyakannya berkisar sekitar kemajuan industri elektronik, sekali gus meletakkan UniMAP di tengah-tengah arus 4IR dalam konteks melahirkan tenaga kerja mahir bagi memenuhi kehendak negara dan dunia.

53. Alhamdulillah, amalan berdialog dan berinteraksi dengan rakan industri sekian lama memastikan kurikulum kita sentiasa relevan. Proses kajisemula kursus yang dilaksanakan setiap 3 atau 4 tahun memberi ruang mengemaskini pengisian program-program akademik dan penyelidikan agar pelajar terus mendapat ilmu yang terkini.

54. Selain kurikulum, penyampaian kursus serta pentadbiran operasi juga tidak kurang pentingnya dalam keselarasan dengan 4IR, lebih-lebih lagi kerana kebanyakan warga UniMAP berada dalam kelompok generasi Y, Z dan milenial. Kelompok ini menggunakan perkakasan teknologi siber dalam hampir kesemua transaksi kehidupan. Dari itu, proses kerja seharian yang melibatkan mereka seharusnya mengambilkira perkara ini. Dengan cara ini, banyak proses dapat dipermudahkan, sekaligus meningkatkan kepuasan pelanggan dan pemegang taruh universiti. Pokoknya, kita perlu mahu berubah dan sanggup bersusah sedikit dalam proses perubahan tersebut.

55. Seajar dengan itu, projek-projek penyelidikan kita juga semestinya berorientasikan 4IR. Terkini, Institut Matematik Kejuruteraan menubuhkan “Predictive Analytics Research Group” yang mendukung konsep “Big Data” untuk memobilisasikan penyelesaian isu-isu sains data yang kompleks melalui kepakaran perlombongan data, penemuan corak, pemodelan statistik serta pembelajaran mesin. Ada beberapa lagi projek-projek 4IR yang sedang giat dilaksanakan, Alhamdulillah.

Saudara-saudari yang dikasihi,

56. Kita hampir di penghujung ucaptama ini. Saban tahun, semasa persiapan majlis, akan ditanya – apakah cogan kata UniMAP kali ini? Tahun lepas kita melaung-laungkan “Tunjang mengukuh di bumi, pucuk menjulang tinggi”. Ketahuilah - akar tunjang tidak tumbuh dalam masa yang singkat. Untuk menjadi asas yang mampu menopang sesuatu yang lain, tunjang itu perlu kuat. Akar tunjang perlu menjunam jauh di dalam tanah untuk menambah kekuatan dan mengelak pohon daripada rebah.

57. Dalam konteks UniMAP 2025, kita perlu mengorak langkah agresif membina tenaga dan upaya menghasilkan siswazah siaga-industri. Kita harus mantap dan bersemangat melaksanakan penyelidikan *translational* yang bermanfaat kepada komuniti. Kita mesti lebih berdaya maju menjana kewangan. Saya yakin ini suatu yang pasti - kerana kita mempunyai kepakaran yang sukar dijumpai di luar sana. Kita, insyaaAllah, akan menjulang tinggi. Ingatlah - ekosistem kita menekankan ILMU, dan terdapat sebab di sebaliknya – iaitu, supaya kita sentiasa mengingati Sang Pencipta, dan bersyukur atas rezeki dan rahmat yang dinikmati, dan seterusnya berkongsi nikmat tersebut dengan mereka yang memerlukan.

58. InsyaaAllah, pucuk ini – universiti awam ke-17 – UniMAP, mampu menjulang tinggi. Marilah kukuhkan tunjang Universiti. Ke arah UniMAP 4.0: Perkongsian Memacu Pembangunan, **“Tunjang mengukuh di bumi, pucuk menjulang tinggi - untuk manfaat insan sejagat”**.


Sekian, wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.

# PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS



Pencapaian 2017		Pencapaian 2016	
% Graduan berstatus bekerja semasa konvokesyen	84.6%	75.4%	80.0%
Nisbah Penerbitan Jurnal Berindeks	1.84	2.75	1.5
Nisbah Kumulatif SITASI PER STAF AKADEMIK	17.15	31.67%	18
% Enrolmen Pelajar TVET	55.31%	49.52%	50.00%
% Peruntukan Pengurusan PENDAPATAN SENDIRI	19.91%	17.88%	18.00%
Bilangan Enrolmen PELAJAR ANTARABANGSA	1,118	1,116	1,100
Bilangan Enrolmen PELAJAR ANTARABANGSA PASCA SISWAZAH	399	387	430
iGOT (Sarjana Muda)	85.00%	87.42%	85%
iGOT (Sarjana)	36.49%	72.90%	40%
iGOT (PhD)	31.53%	71.88%	40%
% Keciciran Pelajar (Sarjana Muda)	0.43%	0.66%	<7.00%
% Keciciran Pelajar (Sarjana)	1.49%	1.23%	<18.00%
% Keciciran Pelajar (PhD)	0.00%	4.00%	<19.00%



- ✓ Ijazah Sarjana Muda Pemindahan (Keputusan) Pemindahan Antarabangsa
- ✓ Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu (Keputusan)
- ✓ Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Keputusan) Kejuruteraan Mekanikal
- ✓ Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Keputusan) Kejuruteraan Awam

4 PROGRAM paling POPULAR  
>1000 Permohonan

**KERJASAMA INSTITUSI**

- Perda Tech School, Kismec, KKTM, IIP, IKM
- 36 pelajar IKM mengikuti UJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (KEPUJIAN) SISTEM ELEKTRIK

**PROGRAM SARJANA MOD CAMPURAN / KERJA KURSUS (RETRACE)**

- ✓ Anjungan Kuala Lumpur
- ✓ Anjungan Kulim

**Pengajian secara FRANCAIS**

- ✓ Kolej TAJ
- ✓ Kolej Regent

Knowledge.com  
50 pelajar Perda Tech School tahun akhir

**INARI**  
Unimap-PSDC teroka IR 4.0 Industri Pulau Pinang (INARI, IBIDEN, MOTOROLA, INTEL, WALTER Technology)

**PROGRAM INDUSTRI IR 4.0 Partnership**

- 48 Kolaborasi Akademik Industri & Universiti
- MCMC (Geran - Pusat Kejuruteraan Mikroelektronik)
- Projek IOT
- Mobile E-Waste
- Prof. Adjling Program RK53
- MyMakers Program (Perpustakaan & PPK Komputer)
- Graduate Employability 85%

**MENYEBARLUAS PROGRAM AKADEMIK**

- Unimap - PSDC Engineering Degree Programs
- 3 Offshore

**Penstrukturan Program Akademik**

**PENYAMPAIAN PEMBELAJARAN ATAS TALIAN**

- ✓ MOOC
- ✓ Blended-learning
- ✓ Mobile Apps
- ✓ ICGPA System

**PEMANTAPAN SISTEM AKADEMIK**

5 pelajar Program Kitaran Mesyuarat UNIMAP-UNIMAND

9 pelajar Program Mobiliti UNIMAP (PPPT)-JANTAN

8 pelajar Program Mobiliti NUB

1 pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Alam dengan Keputusan

25 pelajar Inisiatif Skills and Leadership Camp 2017

1 pelajar Akademik Alazman under EU Grant-Process

4 pelajar Latihan Industri

**MOBILITI PELAJAR**

5 pelajar VESI Program (Stage 2)

24 pelajar International Soft Skills and Leadership Programme (ISCL) 2017

3 pelajar Misi Keselamatan & Inisiatif KeAcah

30 pelajar Program Inisiatif Masyarakat (Kemboja)

1 pelajar IYA International Young Inventors Awards

24 pelajar "Kembara Ilmu ke Negara Seberang" (Thailand)

31 pelajar UNIMAP Education Trip to Australia & Kazakhstan 2017

2 pelajar Rentes Assan Program (UNIMAP - JUNDU)

31 pelajar Research Outreach Program

2 pelajar Outbound

31 pelajar Outbound

69 Junjura Profesional antara blangsan isama di UA

**KELOMPOK BAKAT STAF**

48 staf Akademik mengajar PAKAR RULUK

# PENCAPAIAN AKADEMIK 2017

**PROGRAM PENGAJIAN**

- 21 Kejuruteraan
- 14 Teknologi Kejuruteraan
- 15 Program Program Swazwah
- 6 Diploma

**ENROLMEN PELAJAR**

- 13,496 ENROLMEN PELAJAR
- 1,377 Pasca Swazwah
- 1,021 Diploma
- 11,098 Sarjana Muda
- 463 Sarjana Muda
- 283 Pasca Swazwah
- 746 PELAJAR ANTARABANGSA
- IGOT 85%
- Bergraduat PNGK > 3,000
- 52%

**ENROLMEN STAF**

- 1057 Tenaga Akademik
- 19 Tenaga Profesional
- 69 Junjura Profesional
- 44.8% PHD

**PUSAT PENGAJIAN**

- Pusat Pengajian Kejuruteraan (8)
- Fakulti Teknologi Kejuruteraan
- Pusat Pengajian Inovasi Pemagangan Dan Teknokratik
- Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Telekomunikasi
- Pusat Pemantapan Akademik (4)
- Pusat Pengajian Diploma
- Pusat Pengajian Swazwah

**RANKING**

5 SETARA-2017 MATURE UNIVERSITY

**EXCELLENT**

- QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2017 ENGINEERING - MECHANICAL & ELECTRICAL TOP 300
- QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2017 ENGINEERING - ELECTRICAL & ELECTRONIC TOP 350



KAMPUS UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

## PENCAPAIAN

# ANTARABANGSA 2017



### MEMORANDUM PERJANJIAN (MOA)

**International Islamic University of Chittagong, Bangladesh**  
Program Pasca Sijwazah  
(Doctor of Philosophy & Master of Science by Research)



**OTH Regensburg, German**  
Program Mobiliti Pelajar  
(The "praxispartnerschaften" Project)



### SURAT HASRAT (LoI)



**Universitas Negeri Makassar Indonesia**  
Akademik & Penyelidikan



**Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar, Indonesia**  
Akademik & Penyelidikan



### MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)



**Nahda University, Egypt**

Perkongsian kepakaran (Akademik & Penyelidikan)   
Mobiliti staf & pelajar

**University of Chemical Technology and Metallurgy, Bulgaria** : University of Yamanashi, Japan,  
**King Mongkut University of Technology North, Bangkok** : Sri Ramakrishna Institute of Technology, India

Perkongsian kepakaran (Akademik & Penyelidikan)   
Mobiliti staf & pelajar

Perkongsian penggunaan makmal & peralatan





3 Golds Awards  
 Malaysia Technology Expo 2017  
 10 Golds Awards  
 3 Special Awards  
**ITECH 17**  
 2 Golds  
**Pecipta '17**  
 8 Golds  
 3 Special Awards  
**SIIF 2017**  
 Small International Invention Fair

**PAMERAN**  
 iENR  
 3 Golds  
 2 Special Awards  
 EURO INVENT  
 International State Fair  
 2 Golds  
 2 Special Awards  
 New Products

PALING CEMERLANG (PENYELIDIKAN) dengan markah **96%**  
 markah UNIMAP **MELEBIHI MEDIAN** UNIVERSITI AWAM (UMUM & PENGAJARAN/PEMBELAJARAN)

# PENCAPAIAN PENYELIDIKAN 2017

**13** PENYELIDIK > 500 Sitasi  
**34** PENYELIDIK MUDA H-Index Melempi 7  
**5** SETARA-2017 Mature University  
**EXCELLENT**  
**1,417** Artikel jurnal SCOPUS  
**15 Ribu** Sitasi Penerbitan  
**SITASI BERIMPAK TINGGI**  
**15 Ribu** Sitasi Penerbitan  
**No. 7** Universiti Awam  
**No. 10** Universiti Awam  
 Penerbitan (Kejuruteraan)  
 Penerbitan (Kejuruteraan Kimia)  
 Top Research Scientists Malaysia (TRSJM)

**17** PENYELIDIKAN TRANSLASI  
**13** PATENT  
**115** Pending  
**13** Granted  
**RM2.2 Juta** bukan IP  
**RM320 Ribu** IP  
**115** Pending  
**13** Granted  
**RM2.2 Juta** bukan IP  
**RM320 Ribu** IP  
**17** PENYELIDIKAN TRANSLASI  
**13** PATENT  
**115** Pending  
**13** Granted  
**RM2.2 Juta** bukan IP  
**RM320 Ribu** IP


**17** PENYELIDIKAN TRANSLASI  
**13** PATENT  
**115** Pending  
**13** Granted  
**RM2.2 Juta** bukan IP  
**RM320 Ribu** IP  
**17** PENYELIDIKAN TRANSLASI  
**13** PATENT  
**115** Pending  
**13** Granted  
**RM2.2 Juta** bukan IP  
**RM320 Ribu** IP

**17** PENYELIDIKAN TRANSLASI  
**13** PATENT  
**115** Pending  
**13** Granted  
**RM2.2 Juta** bukan IP  
**RM320 Ribu** IP  
**17** PENYELIDIKAN TRANSLASI  
**13** PATENT  
**115** Pending  
**13** Granted  
**RM2.2 Juta** bukan IP  
**RM320 Ribu** IP



**17** PENYELIDIKAN TRANSLASI  
**13** PATENT  
**115** Pending  
**13** Granted  
**RM2.2 Juta** bukan IP  
**RM320 Ribu** IP  
**17** PENYELIDIKAN TRANSLASI  
**13** PATENT  
**115** Pending  
**13** Granted  
**RM2.2 Juta** bukan IP  
**RM320 Ribu** IP

**17** PENYELIDIKAN TRANSLASI  
**13** PATENT  
**115** Pending  
**13** Granted  
**RM2.2 Juta** bukan IP  
**RM320 Ribu** IP  
**17** PENYELIDIKAN TRANSLASI  
**13** PATENT  
**115** Pending  
**13** Granted  
**RM2.2 Juta** bukan IP  
**RM320 Ribu** IP

**17** PENYELIDIKAN TRANSLASI  
**13** PATENT  
**115** Pending  
**13** Granted  
**RM2.2 Juta** bukan IP  
**RM320 Ribu** IP  
**17** PENYELIDIKAN TRANSLASI  
**13** PATENT  
**115** Pending  
**13** Granted  
**RM2.2 Juta** bukan IP  
**RM320 Ribu** IP



**85%**  
Kebolehpasaran  
Siswazah  
(semasa konvokesyen)



### KERJASAMA INDUSTRI

**THE FINALE 2017**  
Program Mini Kerjaya melibatkan 11 Syarikat

- INTEL - UniMAP**: 34 pelajar FTK telah ditemuduga
- MDEC TALENT ENGAGEMENT**: 100 pelajar Diorang (Komputer Elektronik & Elektrik) Digital
- ALCON - UniMAP PARTNERSHIP**: 7 pelajar telah bekerja & kerjasama pendidikan (6 projek, bernilai RM300K)
- GRADUATE TRAINING PROGRAM ADVANCE PACT SDN. BHD.**: Pelajar latihan akhir Bilipentarian mengiktiraf temuduga
- NICE II 2017**: 3000 pelajar mengiktiraf temuduga melibatkan 38 industri (Utara, KL, Lembah Kelang & Sarawak)



### PENCAPAIAN

# PELAJAR & ALUMNI 2017



### PENYELIDIKAN

**IDRIS 1 Emas 2 Gangsa**  
2017  
PINGAT

Nur Nadiyah 'Izzati Zulkifli  
IDRIS - Double Gold & Special Award  
ITEX - Silver  
IYIA - Gold & special award

### ANTARABANGSA

**No. 4** Mahad Mohamed (PPK Bioproses & Perhubungan) Bahasa Melayu (PABM)

Amirul Zainal (PPK Komputer & Perhubungan) wakil Malaysia World Sports World Sports Championships 2017 Taiwan

Rosyeen Nambiyar Nandakumar (PPK Mekatronik) wakil Malaysia ITF World Championships 2017 Dublin, Ireland

### ALUMNI

**Kerjasama Penyelidikan Alumni Tan Wei Chun & INSAT**  
Projek Rumah Bungu, Walet & Penempatan Jabe Perch (Ikan Puyu KUKUM), Agropreneur berjaya di peringkat antarabangsa.

**Career Recruitment**  
4 orang pelajar telah diambil bekerja oleh Alumni dengan National Instrument

**Siti Nurmazifah Jais Meah (Siswazah FTK)**  
Irama Anugerah UST Global Malaysia (Best New Talent Award) 2017

**Program Homecoming**  
Pusat Pengajian melabikan 240 Alumni

**Penajaan Alumni**  
Kenis & Deco Working Taman Alumni UE & Coway Water Filter

**Alumni Talk**  
perkongsian tentang alam pekerjaan kepada pelajar UniMAP

### KESUKARELAWANAN

**Tabung Amanah Khas & Tabung Amanah Zakat**  
835 Pelajar (RM213,400.00)

**Tabung Dedikasi Diri**  
20 Pelajar (RM172,080.50)

**Program Sama Rasa 2017**  
Usahasama Pasaraya C-Mart

**Waqaf Friendly Cafe**  
9 Pengusaha Kafeteria (RM1600 sebulan)

**Free Food Program**  
Sumbangan Wakaf Staf


**Padang Indonesia**  
Padang Indonesia

**Aceh Indonesia**  
Aceh Indonesia

**Satun Thailand**  
Satun Thailand

**Cambodia**  
Cambodia





**Unimap, Universiti Awam Pertama**  
**Diiktiraf MS ISO 9001:2015**  
**Oleh: SIRIM QAS INTL. SDN. BHD.**



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: MY-AR 5225



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: MY-AR 5225